

● Ketagihan bahan pornografi yang membawa kepada perbuatan jenayah seksual khususnya melibatkan kanak-kanak semakin membimbangkan apabila 76 individu berumur 12 tahun ke bawah dikesan menjadi mangsa jenayah tersebut dalam tempoh dua tahun lalu.

● Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan malah mendedahkan terdapat kes budak lelaki seawal usia tujuh tahun bertindak merogol rakan perempuannya.

● Polis tidak menafikan wujud golongan pedofilia dalam masyarakat hari ini selain mereka yang mempunyai kecenderungan sesama jantina menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa.

● Tindakan menyekat laman web lucah perlu dilakukan secara lebih agresif bagi mengatasi masalah ketagihan pornografi dalam kalangan masyarakat manakala ibu bapa harus memainkan peranan penting dalam mengawasi dan mendidik anak-anak.

MUKA 2 & 3

EKSKLUSIF



BAHAN PORNOGRAFI

Jenayah seksual kanak-kanak membimbangkan

Sinar Horizon (22/10/2022) M15 02

Berpunca daripada pengaruh pornografi di media sosial

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

Jenayah seksual melibatkan golongan kanak-kanak semakin membimbangkan berpunca daripada pengaruh pornografi di media-media sosial.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, kes melibatkan jenayah tersebut didapati meningkat dengan ketara.

Jelas beliau, rekod menunjukkan terdapat 405 mangsa dilaporkan bagi tempoh dua tahun sejak tahun 2020 dan jumlah ini termasuklah kanak-kanak.

“Bagi tahun 2020, ada 166 mangsa terdiri daripada 30 lelaki dan 136 perempuan.

“Ada tiga mangsa membabitkan usia enam hingga sembilan tahun, usia 10 hingga 12 tahun (6), usia 13 hingga 15 tahun (12), usia 16 hingga 18 tahun (25) dan 18 tahun ke atas (120),” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Tambah Siti Kamsiah, tahun 2021 pula merekodkan 239 mangsa terdiri daripada 43 lelaki dan 196 perempuan.

“Jumlah ini meliputi usia bawah enam tahun (1), usia enam hingga sembilan tahun (16), usia 10 hingga 12 tahun (38), usia 13 hingga 15 tahun (35), usia 16 hingga 18 tahun (31) dan 18 tahun ke atas (118),” ujarnya.

Menurut Siti Kamsiah, hasil usaha yang dilakukan telah mem-

bolehkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menahan seramai 196 suspek iaitu 69 orang pada tahun 2020 dan 127 orang pada tahun 2021.

Beliau berkata, kes sedemikian dilihat semakin menular dan ia memang membimbangkan walaupun jumlahnya kecil.

“Jenayah ini dilihat mudah berkembang kerana dengan adanya kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) selain gaya hidup masyarakat hari ini hingga boleh membudayakan perkara ini.

“Walaupun jumlah kes tidak besar, ia tetap merunsingkan kerana kita melihat ia akan terus berkembang tidak kira di peringkat umur mana pun,” ujar beliau.

Kata Siti Kamsiah, tidak dinafikan bahawa dalam masyarakat hari ini ada golongan pedofilia atau mereka yang memiliki kecenderungan ke arah sesama jantina mencari mangsa.

“Apabila capaian atau akses mudah, semua boleh dicapai di internet dengan kemajuan ICT, dijangka jenayah melibatkan platform internet dan media sosial akan terus berkembang terutamanya kes seksual kanak-kanak,” katanya.



SITI KAMSIAH

Budak 7 tahun rogol rakan gara-gara video lucah

ASISTEN Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, pihak polis turut menerima kes melibatkan kanak-kanak yang melakukan perbuatan seksual.

Jelas beliau, kematangan akal pemikiran kanak-kanak adalah terbatas dan mereka tidak tahu membezakan mana baik dan buruk hingga mengakibatkan mereka menjadi mangsa atau pelaku seksual.

“Ada kes yang dilaporkan di mana budak lelaki berusia tujuh tahun yang ketagihan menonton video lucah bertindak merogol rakan perempuannya yang berusia enam tahun.

“Pada awalnya dia menyelak kain rakan perempuannya sebelum merogol. Ini antara contoh kes yang dilaporkan akibat pengaruh menonton video lucah selain dorongan nafsunya. Bila dia lihat budak perempuan, ada peluang dia cuba buat.

“Kes ini memang berlaku. Mungkin bagi mereka itu bukan satu kesalahan. Mereka tidak tahu kesan dan akibat. Kanak-kanak ini seronok mencuba sesuatu yang baharu,” ujar beliau.

Siti Kamsiah memberitahu ada juga kes kanak-kanak terbabit menerima mesej daripada individu tertentu di media sosial untuk berkenalan dan menjadi kekasih sehingga terdorong untuk berkongsi gambar tubuh.

“Malah didapati ada pihak turut melakukan perbuatan yang merangsang naluri seksual kanak-kanak terbabit.

“Apabila terlalu terdedah dengan perkara sebegini, alat seksualitinya akan matang mendahului pemikiran sehingga sukar dikawal. Jadi dia tidak dapat kawal dorongan nafsunya dan itu yang mendorongnya melakukan sesuatu di luar batas,” jelas Siti Kamsiah.

Ada kes yang dilaporkan di mana budak lelaki berusia tujuh tahun yang ketagihan menonton video lucah bertindak merogol rakan perempuannya yang berusia enam tahun.”

Sekat laman web lucah

SKMM sekat laman web, pantau isu-isu viral

KUALA LUMPUR

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan menjelaskan, sebagai langkah untuk mengatasi masalah ketagihan pornografi dalam kalangan masyarakat, tindakan menyekat laman web berkenaan telah diambil.

“Berpandukan isu-isu viral dan kes melibatkan kanak-kanak tertamanya telah disekat serta-merta oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

“Tindakan sekatan ini juga dibuat berdasarkan laporan daripada agensi tertentu yang mengesan laman web lucah terbabit,” katanya.

Mengulas lanjut, berikut-an kes-kes yang dilaporkan turut membabitkan kanak-kanak, ibu bapa harus memainkan peranan penting termasuklah pengawasan serta didikan.

Jelasnya, jika hari ini pada usia lima tahun telah diberikan gajet, jadi seawal usia itu jugalah ibu bapa harus memainkan peranan memikirkan cara untuk mendidik di mana pendekatan keluarga perlu diubah sesuai dengan persekitaran.

“Zaman serba canggih hari ini, ibu bapa perlu ada pengetahuan bagaimana hendak memantau. Kaedah



yang sesuai dengan perkembangan terkini,” ujarnya.

Jelas beliau, ketagihan pornografi ini memberikan impak kepada individu, ahli masyarakat dan juga secara global iaitu keseluruhan masyarakat di dunia kerana ia akan mengubah landskap jenayah yang lain selain memberi impak psikologi.

“Individu yang gemar mengakses akan menjadi ketagihan hingga mendorong melakukan aksi sebegitu untuk melakukan jenayah seksual atau mempraktikkan apa yang dilihat.

“Selain itu, pengaruh itu menyebabkan mereka juga mudah dieksploitasi. Jadi, jika ada individu atau kumpulan tertentu yang mempengaruhi, memperdaya atau membuka dorongan, dia akan terdorong untuk melakukannya.

“Sekiranya satu perkara ini jadi amalan terutama kanak-kanak, dia

akan menerimanya sebagai perlakuan yang normal dan dia membesar dengan menerima budaya sebegitu,” katanya.

Ujarnya lagi, individu yang terjebak membuat capaian video lucah, menyebar dan berkongsi adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

“Ibu bapa perlu ada kaedah pemantauan yang sesuai untuk memantau anak-anak.

“Sekiranya ibu bapa atau masyarakat ada mengesan anak mereka atau individu lain yang terjebak dengan ketagihan pornografi diminta untuk tampil membuat laporan polis bagi tindakan mengesan pelaku serta pemulihan,” ujarnya.

Jelas Siti Kamsiah, ketagihan pornografi ini ibarat ketagihan dadah dan ia perlu dihentikan dan tindakan daripada semua ahli masyarakat bagi membendung gejala yang boleh menghancurkan masa depan negara.

TINDAKAN SIASATAN KES BAHAN PORNOGRAFI

1. Seksyen 292 Kanun Keseksaan

- Mengedar, menjual, menyewa, menunjukkan secara awam bahan lucah
- Hukuman: Penjara sampai 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.

2. Seksyen 5 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak
- Hukuman: Penjara selama tempoh tidak lebih 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 sebatan.

3. Seksyen 6 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Persediaan untuk membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak
- Hukuman: Penjara selama tempoh tidak lebih 10 tahun dan sebat.

4. Seksyen 7 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahannya atau penghasilan pornografi kanak-kanak
- Hukuman: Penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat tidak kurang daripada 5 sebatan.

5. Seksyen 8 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Bertukar-tukar, menerbitkan pornografi kanak-kanak
- Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat tidak kurang daripada 3 sebatan.

6) Seksyen 9 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Menjual pornografi kanak-kanak kepada kanak-kanak
- Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat tidak kurang daripada 5 sebatan.

7) Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

- Mengakses pornografi kanak-kanak
- Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.



Sinar Harian (22/02/2022) MS 63